

Politik Malaysia sudah dapat pengiktirafan antarabangsa

UM 29 OCT 1988

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kejayaan negara menduduki Majlis Keselamatan Bangsa - Bangsa Bersatu membuktikan bahawa peranan politik Malaysia di peringkat antarabangsa sudah mendapat pengiktirafan.

Perdana Menteri berkata, pengiktirafan itu juga adalah bukti bahawa dunia menerima sikap Malaysia yang berserdahana, berkecuali dan tidak terikat kepada mana - mana pihak serta mengambil berat mengenai soal antarabangsa seperti kehadiran rakyat Kampuchea dan juga masalah di Timur Tengah.

Presiden UMNO itu berkata, "yang penting ialah Bangsa - Bangsa Bersatu mengiktiraf peranan Malay-

sia di peringkat antarabangsa. Ini kerana kita aktif termasuk soal - soal mengenai Kampuchea dan Timur Tengah."

"Di samping itu, ia menunjukkan sikap berkecuali kita telah berjaya mendapat banyak sokongan kerana Malaysia dianggap sebuah negara yang berseederhana dan tidak pula berpihak kepada mana - mana pihak." Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, negara luar juga telah melihat kepada pendirian negara yang menyokong pandangan - pandangan baik tanpa mengira hubungannya dengan negara berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, sokongan yang diterima oleh Malaysia sehingga berjaya menduduki kerusi tersebut amatlah luar biasa di mana pada perkiraan pertama, negara hanya kekurangan dua undi untuk mendapat majoriti dua pertiga.

"Pada kiraan kali kedua, kita mendapat jumlah yang jauh lebih tinggi. Ia merupakan kejayaan dan pengiktirafan yang tinggi," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, pada kebiasaannya, jika ada satu pihak lain yang lebih kuat untuk bertanding, yang lagi satu akan mengundur diri, ataupun jumlah undi diperolehi secara sama banyak.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia terus mendapat sokongan besar setelah dipertandingkan.